

# **Kompetensi Pengetua Sekolah dan Pencapaian Standar Nasional Pendidikan di Indonesia**

*Mustamin, M. Al-Muz-zammil bin Haji Mohd. Yasin Dr.*

## **ABSTRAK**

Kecekapan dan keberkesanan sesebuah sekolah sangatlah ditentukan oleh kompetensi pengetua sekolah. Kerana semakin kompleksnya masalah pendidikan dari semasa ke semasa, maka pengetua sekolah sebagai pemimpin pendidikan perlu memiliki kompetensi untuk mengurus dan mentadbir sekolah tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh kompetensi kepribadian, manajerial dan kewirausahaan pengetua sekolah terhadap pencapaian Standar Nasional Pendidikan (SNP) daripada Sekolah Menengah Atas (SMA) Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan Indonesia. Seramai 87 orang guru yang dipilih dengan teknik pengambilan sampel secara rawak sederhana. Teknik analisis data yang digunakan adalah deskriptif dan inferensial untuk mengenal pasti deskripsi masing-masing pembolehubah serta pengujian hipotesis kajian. Mengikut daripada hasil kajian ini diperolehi bahawa kompetensi pengetua sekolah pada SMA Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan Indonesia, umumnya berada pada kategori baik dengan nilai min = 4.09. Kompetensi pengetua sekolah yang terbanyak memberikan kontribusi terhadap pencapaian SNP iaitu kompetensi kewirausahaan, seterusnya kompetensi manajerial dan kompetensi kepribadian. Namun, pencapaian SNP pada SMA Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan Indonesia, hanya 50 peratus dengan nilai min = 3.36. Kompetensi pengetua sekolah pada aspek kompetensi kewirausahaan, kompetensi manajerial dan kepribadian mempunyai pengaruh signifikan pada taraf signifikansi  $\alpha=0,01$  khasnya kepada pencapaian standard sarana dan prasarana, standard pengelolaan, standard pembiayaan dan standar penilaian. Mengikut hasil kajian ini, maka dicadangkan kepada pengetua sekolah agar sentiasa berupaya semaksimal mungkin mempertingkatkan kompetensinya khasnya kompetensi kewirausahaan dalam rangka pencapaian SNP yang cekap dan berkesan.

## **Pengenalan**

SMA merupakan sekolah yang dirancang mempersiapkan pelajar untuk melanjutkan pendidikan ke tingkat yang lebih tinggi, namun kenyataannya hanya sebagian kecil output SMA melanjutkan pendidikannya (Departemen Pendidikan Nasional, 2001). Menurut Rahman (2005) bahawa, rendahnya kualiti pendidikan di Indonesia pada saat ini merupakan salah satu impak dari kompetensi pengetua sekolah dalam mengurus sesebuah sekolah, sehingga pengetua sekolah perlu memiliki kompetensi yang standard serta memahami pelbagai bentuk pola kepimpinan yang sesuai dengan kebutuhan yang terjadi.

Selain daripada perkara tersebut, persoalan yang dialami oleh bangsa Indonesia sekarang ini diantaranya adalah permasalahan kualiti pendidikan yang semakin menurun

(Departemen Pendidikan Nasional, 2009). Rendahnya kualiti pendidikan hampir merata pada seluruh level pendidikan. Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pemerintah, termasuk peningkatan kompetensi tenaga pendidik melalui program peningkatan kualifikasi akademik, serta penyempurnaan fasiliti sekolah dan penarafan SNP tetapi impak yang dihasilkan belum menunjukkan peningkatan yang bererti. Pelbagai data telah menunjukkan pencapaian SNP masih rendah antara lain prestasi pelajar mengalami penurunan sejak polisi ini digunakan. Salah satu bukti adalah mengikut data Departemen Pendidikan Nasional (2009) menunjukkan jadual seperti di bawah;

**Jadual 1. Perkembangan keberjayaan dan remedii pelajar tiga tahun lepas**

Tahun pelajaran	Peratus (%) berjaya	Peratus (%) remedii
2005/2006	99,42	0,40
2006/2007	97,31	0,48
2007/2008	86,14	0,85

Sumber: Departemen Pendidikan Nasional, 2009.

Jadual di atas menunjukkan bahawa, selepas penarafan SNP di Provinsi Sulawesi Selatan Republik Indonesia, keberjayaan pelajar mangalami penurunan dan impaknya pelajar yang mengikuti program remedial semakin meningkat. Perkara ini pula dibuktikan bahawa peratus guru yang layak mengajar pada jenjang Sekolah Menengah Atas (SMA) di Provinsi Sulawesi Selatan Indonesia seramai 84,29 peratus (Departemen Pendidikan Nasional, 2009).

Pengetua sekolah merupakan salah satu faktor dalaman pada sesebuah sekolah mempunyai pengaruh yang sangat strategis dalam mewujudkan SNP, akan tetapi menurut Rakhmat (2010) disamping daripada pencapaian SNP tersebut masih terdapat masalah lain, iaitu kompetensi pengetua sekolah masih belum maksimal dalam melakukan pengurusan SNP, hal ini disebabkan oleh kompetensi dan keterampilan pengetua sekolah dalam mengelola segala sumber daya yang dimiliki masih terhad. Sehingga fakta menunjukkan bahawa tuntutan akan keberhasilan pelaksanaan SNP masih jauh dari harapan. Walaupun kita pahami bahawa terdapat banyak pembolehubah yang menyebabkan pelajar tersebut berjaya, namun beberapa penyebab lainnya adalah kemampuan guru dalam proses pembelajaran serta kompetensi pengetua sekolah dalam mengelola SNP yang belum maksimal. Berdasarkan latar belakang, maka objektif kajian ini iaitu mengenal pasti pengaruh kompetensi kepribadian, kompetensi

manajerial dan kompetensi kewirausahaan pengetua sekolah terhadap pencapaian SNP pada SMA Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia.

## **Ulasan Kepustakaan**

### **1. Kepimpinan Pengetua Sekolah**

Pelbagai teori dan hasil kajian telah membuktikan bahawa faktor kepimpinan mempunyai kesan yang besar terhadap kecemerlangan sesebuah sekolah. Teori yang dedahkan oleh Hersey (1984) bahawa; "...leadership is any attempt to influence the behavior of another individual or group, leadership refers to situations in which you are working with others...". Blake and Mouton (1985), bahawa "... leadership as follows processes of leadership are involved in achieving results with and through others...". Scheerens, (1992) mendefinisikan bahawa "... school leadership as an important factor contributing to school effectiveness and school improvement...". Sammons, Hilman, & Motimore, (1995);. Sementara itu juga Berry (1997) bahawa "...leadership is considered to be a concept which describes actions which yield social change and improvement, and is associated with the development of community involvement and participation on dicision making...". Leithwood, Louis, Anderson, and Wahlstrom; (2004) bahawa: "... the success of school reform depends on the motivation and capacities of the school leadership..." dan Fullan (2007) berpendapat bahawa, kata pemimpin biasanya menunjukkan individu yang berlabel pemberi arahan dalam sebuah organisasi. Kerana kedudukan pemimpin dalam organisasi sangatlah penting dalam rangka memberi kesan kepada pengikut untuk melaksanakan tugasnya, maka pemimpin sering disebut sebagai ujung tombak keberkesanan suatu organisasi dan bahkan boleh dikatakan pemimpin berada diantara ketercapaian matlamat organisasi dengan pengikut. Pendapat lain Hoy and Miskel (2008) bahawa, kepimpinan membangkitkan semangat romantis, emosional dan berani daripada stakeholder.

Teori dan hasil kajian di atas menujukkan bahawa kepimpinan sekolah sebagai faktor penting yang berkontribusi kepada kecekapan dan peningkatan sekolah. Sehingga ramai hasil kajian yang mendedahkan bahawa kompetensi pengetua sekolah sangatlah penting untuk mencapai matlamat sekolah yang telah ditetapkan. Menurut Sergiovanni (2009) bahawa kepimpinan sebagai mereka yang aktif, bukan reaktif, membentuk idea bukannya hanya respons, pemimpin mengadopsi sikap peribadi dan aktif terhadap matlamat, kesan seorang

pemimpin diberikan dalam mengubah suasana hati, membangkitkan imej dan harapan, dan menentukan keinginan dan matlamat khusus menentukan arah organisasi yang diperlukan.

Banyaknya konsep kepimpinan yang berbeda hampir seramai jumlah orang yang telah berusaha untuk mendefinisikannya. Sekalipun demikian terdapat banyak kesamaan diantara definisi tersebut yang menunjukkan adanya skim penjelasan secara mendasar. Istilah Kepimpinan paling sering muncul pada setiap membincangkan topik tentang pencapaian matlamat organisasi. Kepimpinan tampaknya lebih merupakan konsep daripada pengalaman, hal ini juga didebak oleh Menurut Kartono (2001) bahawa kepimpinan sebagai penggerak/dinamisator dan koordinator dari sumber yang ada. Hal sama oleh Wahyusumidjo (2003) bahawa, kepimpinan merupakan salah satu fungsi daripada manajemen, sebab itu kemampuan memimpin secara berkesan merupakan kunci kecemerlangan organisasi, dengan esensi bahawa kepengikutkan orang lain untuk mengikuti keinginan pemimpin.

## 2. Kompetensi Pengetua Sekolah

Kompetensi umumnya diertikan sebagai kemampuan yang berupa pengetahuan, sikap dan keterampilan untuk melakukan suatu pekerjaan dengan sukses. Menurut Lum (2000) bahawa: *Competence implies “capability, sufficiency, and adequacy”,* dan Aponte (1995) *It refers to ways of living acquired by various groups to survive in their environments and includes their abilities to function successfully.* Begitupula pendapat Eraut, Alderton, Cole & Senker, 1998; Lizzio & Wilson, 2004; Messick, 1984; Miller, 1990,; Parry, 1996; Spencer, 1993; Taconis, Van der Plas, & Van der Sanden, 2004; Tillema et al, 2000 (Baartman, & Liesbeth. 2007) bahawa *“...competence is that it consists of connected pieces of knowledge, skill and attituded that can be used to adequately solve a problem...”*.

Spencer (1993) mendapati bahawa kompetensi yang berupa sikap optimis adalah suatu hal penting kepada pencapaian matlamat, kerana dapat menentukan tindak balas sama ada menguntungkan atau tidak berdasarkan kepada keadaan atau peristiwa-peristiwa tertentu. Mengikut pendapat Kohli, Huber, and Faul. (2010) bahawa: *“...applied to the competency of social workers, they, too, need to acquire ways to practice that honor all kinds of clients. We now define cultural competence”*. Perkara tersebut bererti bahawa kerana lingkungan sosial sesebuah sekolah terdiri daripada pelbagai budaya, maka kompetensi sosial sering juga disebut kompetensi sosial budaya yang didefinisikan sebagai *“cultural competence can be defined as*

*the ability of professionals to function successfully with people from different cultural backgrounds including, but not limited to, race, ethnicity, culture, class, gender, sexual orientation, religion, physical or mental ability, age, and national origin”* (CSWE, 2008). Kompetensi kepribadian yang berupa kesadaran sosial termasuklah kemampuan meletakan diri dalam kedudukan orang lain atau mempunyai sifat empati, kesadaran organisasi dan orientasi perkhidmatan seperti menyelia kepuasan pelanggan, bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan pelanggan, tidak mengamalkan politik di tempat kerja dan sebagainya (Steele, 1997). Perlu ditegaskan, bahawa kompetensi kepribadian dalam manajemen adalah berasaskan kepada kelompok kompetensi emosi yang lain, terutamanya manajemen diri dan kesadaran sosial.

Lanjut daripada itu, kompetensi pengetua sekolah yang mengikut daripada Peraturan Kementerian Republik Indonesia (Peraturan Menteri Nombor 13 tahun 2007) mengandungi lima jenis kompetensi pengetua sekolah, iaitu (1) kompetensi kepribadian dengan dimensi-dimensi; pengetua sekolah memiliki bakat dan minat jabatan sebagai pemimpin, menyusun dan mengurus sekolah menuju organisasi pembelajaran yang berkesan, dan menciptakan budaya dan iklim yang kondusif bagi pembelajaran pelajar, (2) kompetensi manajerial dengan dimensi-dimensi; mengelola sarana dan prasarana, hubungan sekolah dan masyarakat, pengembangan kurikulum, keuangan, serta melakukan monitoring dan evaluasi program sekolah, (3) kompetensi kewirausahaan dengan dimensi-dimensi; bekerja keras untuk mencapai kecemerlangan sekolah, memiliki motivasi yang kuat untuk sukses dalam melaksanakan tugas, pantang menyerah dan selalu mencari solusi terbaik dalam menghadapi kendala, serta memiliki naluri kewirausahaan dalam mengelola kegiatan produksi/jasa sekolah sebagai sumber belajar pelajar, (4) kompetensi supervisi dengan dimensi-dimensi; merencanakan program supervisi akademik dalam rangka peningkatan profesionalisme guru, melaksanakan supervisi akademik terhadap guru dengan menggunakan pendekatan dan teknik supervisi yang tepat, (5) kompetensi sosial dengan dimensi-dimensi; bekerja sama dengan pihak lain untuk kepentingan sekolah/madrasah, berpartisipasi dalam kegiatan sosial kemasyarakatan dan memiliki kepekaan sosial terhadap orang lain.

### **3. Standard Nasional Pendidikan di Indonesia**

Manusia memerlukan pendidikan dalam kehidupannya. Pendidikan merupakan usaha agar manusia dapat mengembangkan potensi dirinya melalui proses pembelajaran yang dilakukan

oleh lembaga pendidikan yang telah disiapkan oleh pemerintah dan masyarakat. Undang-Undang (UU) Republik Indonesia Tahun 1945 pasal 31 ayat (1) menyebutkan bahawa setiap warga negara berhak mendapat pendidikan, dan ayat (3) mendedahkan bahawa pemerintah mengusahakan dan menyelenggarakan satu sistem pendidikan nasional yang meningkatkan keimanan dan ketaqwaan serta akhlak mulia dalam rangka mencerdaskan kehidupan bangsa yang diatur dalam UU No. 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional. Sementara itu dalam UU tersebut telah memberikan signal matlamat pendidikan nasional yakni berkembangnya potensi pelajar agar menjadi manusia yang beriman dan bertaqwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlek mulia, sehat, berilmu, cakap, kreatif, mandiri, dan menjadi warga negara yang demokratis serta bertanggung jawab.

Untuk mewujudkan matlamat ini pemerintah Republik Indonesia menetapkan Standard Nasional Pendidikan (SNP) yang tertuang dalam Peraturan Pemerintah Nombor 19 Tahun 2005 tentang SNP. Dalam peraturan pemerintah ini dijelaskan bahawa SNP meliputi lapan standard iaitu: 1) standard isi, 2) standard kompetensi keberjayaan, 3) standard proses, 4) standard pendidik dan tenaga kependidikan, 5) standard fasiliti, 6) standard pengurusan, 7) standard pembiayaan dan 8) standard penilaian pendidikan. Dalam PP Nombor 19 Tahun 2005 tentang Standard Nasional Pendidikan didekahkan bahawa paling lambat 7 Tahun selepas penetapan PP tersebut maka seluruh sekolah yang ada di Indonesia harus menerapkan Sekolah Standard Nasional (SSN), atau paling lambat pada Tahun 2013 jenjang pendidikan menengah atau SMA harus melaksanakan sistem pengurusan SSN tersebut.

Standard pendidikan merupakan kriteria minimal yang ditetapkan oleh pemerintah Indonesia untuk menjamin kualiti pendidikan masing-masing sekolah. Penarafan standard pendidikan di Indonesia dimulai sejak tahun 2005, setelah terbitnya Peraturan Pemerintah Nombor 19 Tahun 2005 tentang Standard Nasional Pendidikan (SNP) yang meliputi lapan standard, iaitu standard isi, standard kompetensi keberjayaan, standard proses, standard pengurusan, standard fasiliti, standard tenaga pendidik dan kependidikan, standard penilaian dan standard pembiayaan (PP No. 19 Tahun 2005).


Dalam pedoman analisis profil Sekolah Standard Nasional (Direktorat Pembinaan SMA, 2008), diuraikan bahawa kategori pencapaian standard pendidikan di Indonesia seperti jadual di bawah.

**Jadual 2. Kategori standard nasional pendidikan**

Kategori	% Pencapaian profil SNP	Sumber: Departemen Pendidikan dan
Sekolah Standard Nasional	$\geq 90\%$	
Standard III	60% - < 90%	
Standard II	30% - < 60%	
Standard I	$\leq 30\%$	

Nasional, 2008

Perkaitan antara 8 SNP itu dapat dideskripsikan sebagai hubungan kausal proses transformasi yang tidak pernah berhenti. Menurut Rakhmat (2010), bahawa jika 8 SNP itu dikelompokkan berdasarkan sistem, maka diperoleh rajah siklus seperti di bawah ini:




Rajah 1. Siklus perkaitan antar 8 SNP

#### 4. Pengurusan Berasas Sekolah

Pengurusan Berasas Sekolah (PBS) ditawarkan sebagai salah satu alternatif jawapan pemberian otonomi daerah di bidang pendidikan, mengingat prinsip dan kecenderungannya yang mengembalikan pengurusan sekolah kepada pihak-pihak yang dianggap paling mengetahui kebutuhan riil sekolah. Malen (1990) berkata bahawa, pengurusan berasas sekolah secara konseptual dapat dideskripsikan sebagai suatu perubahan formal struktur penyelenggaraan, sebagai suatu bentuk desentralisasi yang mengidentifikasi sekolah itu sendiri sebagai unit utama peningkatan serta bertumpu kepada redistribusi autoriti pembuatan keputusan sebagai sarana penting yang dengan kerananya peningkatan dapat didorong dan ditopang. Penarapan polisi pemerintah Indonesia tentang Standard Nasional Pendidikan menuntut kepada pengurusan yang berasas sekolah. Menurut Indriyanto (1992) sistem


pengurusan sekolah yang merupakan kolaborasi peran antara sekolah dan masyarakat yang dideskripsikan seperti rajah di bawah:



Menurut Candoli (1995) bahawa PBS merupakan suatu cara untuk memaksa sekolah itu sendiri mengambil tanggung jawab atas apa yang terjadi pada anak menurut jurisdiksinya dan mengikuti sekolahnya. Menurut Alland (1996), bahawa PBS adalah: "*School Based Management describes a collection of practices in which more people at the school level make decisions for the school. It often begins with decentralization of certain powers from the central office to the school that may include any range of power-from a few, limited areas to nearly everything*".

Menurut Duhou (2003) bahawa PBS disamping diposisikan sebagai alternatif, ianya sebagai kritik atas penyelenggaraan pendidikan yang semasa ini tersentralisasi. Pendidikan sentralistik tidak mendidik pengurusan sekolah untuk belajar mandiri, baik dalam hal manajemen pengembangan kurikulum, penyediaan sumber belajar, alokasi sumber daya, dan terutama membangun partisipasi masyarakat untuk ikut memiliki sekolah. Lebih lanjut Duhou berkata bahawa, PBS menuntut partisipasi lebih besar dari warga sekolah dalam setiap polisi dan sepanjang proses pembuatan keputusan sekolah berlangsung, dan semua keputusan dibuat secara kolektif dan sinergis bersama stakeholder. Dalam konteks PBS, segala kesempatan harus ada dan dimaknai untuk meningkatkan profesionalisme para staf dan kerjasama staf dengan orang tua yang lebih kondusif dalam melayani pendidikan pelajar. Konsep di atas menuntut para ibu bapa dan guru mengerti segala kebutuhan yang terbaik untuk pelajarnya, dan melalui satu usaha yang kooperatif, mereka dapat bahu mebahu meningkatkan program-program yang tepat sesuai kebutuhan pelajar. Peningkatan kesan sekolah perlu dukungan stakeholder, yang meliputi: pemerintah daerah, komite sekolah (pengetua sekolah,

guru, orang tua pelajar dan tokoh masyarakat) serta pelajar. Pengambilan keputusan bersama dikalangan stakeholder pada level sekolah merupakan kunci dalam melaksanakan. Oleh kerana itu, kerangka fikir yang digunakan dalam kajian ini adalah:



Rajah 3. Skim kerangka fikir

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan pada empat SMA Negeri seperti yang tertera dalam populasi dan sampel kajian. Sedangkan waktu kajian ini dilaksanakan pada bulan Mei hingga Juli Tahun 2010. Lokasi atau tempat kajian ini dilakukan khasnya pada empat SMA Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia dengan pertimbangan peneliti antara lain: (1) lokasi tersebut merupakan pilot project pelaksana sekolah rintisan Sekolah Standard Nasional (SSN) sejak Tahun 2006, dan (2) sekolah tersebut merupakan sekolah rujukan percontohan bagi sekolah lainnya dalam pelaksanaan rintisan SSN di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia. Pembolehubah dalam kajian ini mencakup pembolehubah bebas yakni kompetensi kepribadian pengetua sekolah ( $X_1$ ), kompetensi manajerial pengetua sekolah ( $X_2$ ), dan kompetensi kewirausahaan pengetua sekolah ( $X_3$ ). Sedangkan pemboleh ubah terikat yakni pencapaian standard nasional pendidikan yang terdiri atas standard isi ( $X_1$ ), standard kompetensi kelulusan ( $Y_2$ ), standard proses ( $Y_3$ ), standard pendidik dan tenaga kependidikan ( $Y_4$ ), standard sarana dan prasarana ( $Y_5$ ), standard pengurusan ( $Y_6$ ), standard pembiayaan ( $Y_7$ ), dan standard penilaian ( $Y_8$ ).

Populasi dalam kajian ini adalah seluruh guru yang berada pada lokasi kajian ini. Jumlah anggota sampel dipilih dengan menggunakan *metode required sample size from the research advisors* dengan *confidence level* 95 peratus, iaitu seramai 87 orang guru yang dipilih secara *purposive* atau pengambilan sampel secara rawak sederhana yang mewakili setiap kelompok sekolah. Kerana jenis kajian ini adalah Survai, maka pengkaji merupakan instrumen utama. Data yang dijaring dikelompokkan dalam dua kategori, iaitu: (1) data primer dengan menggunakan kuesioner standard dari Direktorat Pembinaan SMA Tahun 2009 untuk mengukur pencapaian SNP setiap sekolah dan kompetensi pengetua sekolah, dan (2) data sekunder dikumpulkan dengan dokumentasi profil pencapaian SNP daripada setiap sekolah yang dijadikan sampel kajian. Data yang terkumpul dari hasil pengukuran di analisis dengan statistik deskriptif dan statistik inferensial multivariate. Statistik deskriptif digunakan untuk memberikan jawapan rumusan masalah pertama dan kedua, sedangkan statistik inferensial multivariate digunakan untuk menjawap rumusan masalah yang ke tiga dengan pengujian hipotesis kajian.

## **Hasil Analisis Kajian**

### **1. Deskripsi Kompetensi Pengetua Sekolah**

Berdasarkan hasil analisis statistik deskriptif kompetensi pengetua sekolah pada SMA Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia. Dideskripsikan seperti jadual di bawah;

**Jadual 3. Taburan Kekerapan, Peratus dan Min bagi Setiap Item Kompetensi Pengetua Sekolah**

No.	item	Kekerapan			(Min) Tahap
		TB	KB	B	
		(%)	(%)	(%)	
1	Kompetensi kepribadian	2.31	11.68	80.99	(4.14) Baik
2	Kompetensi manajerial	2.33	16.68	80.99	(4.07) Baik
3	Kompetensi kewirausahaan	2.3	12.07	85.63	(4.18) Baik
Min Keseluruhan Kompetensi					(4.09) Baik

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa nilai min keseluruhan ítem kompetensi kepimpinan pengetua sekolah adalah (min= 4.09) yang bererti baik, sehingga umumnya boleh diclaim bahawa umumnya responden menilai baik kompetensi kepimpinan pengetua sekolah mereka dalam melaksanakan tugasnya. Selanjutnya kompetensi yang mempunyai min tertinggi adalah kompetensi kewirausahaan (min= 4,18) seterusnya kompetensi kepribadian (min= 4,14) dan kompetensi manajerial (min= 4,07).

## **2. Deskripsi Pencapaian Stándar Nasional Pendidikan (SNP)**

Deskripsi pencapaian SNP pada SMA Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia dideskripsikan sebagai berikut:

Sedang jadual 4 pencapaian stándar nasional pendidikan Indonesia, khasnya di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia diperolehi bahawa dari 8 stándar yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Indonesia hanya 3 standard sahaja yang mendekati siap untuk Sekolah Stándar Nasional (SSN) Indonesia, aitu Stándar Kompetensi Lulusan, Stándar Proses, dan Stándar Pendidik dan Kependidikan.

**Jadual 4. Taburan Kekerapan, Peratus dan Min bagi Setiap Dimensi Standard Nasional Pendidikan Indonesia oleh Responden**

Standard	Kekerapan				Min (Tahap)
	Standar I	Standar II	Standar III	Siap SSN	
	(%)	(%)	(%)	(%)	
1 Standard Isi	0.00	1.73	47.12	51.15	(3.49) Siap SSN
2 Standard Kompetensi Lulusan	0.00	1.15	35.06	63.80	(3.63) Siap SSN
3 Standard Proses	0.00	1.53	44.44	54.03	(3.52) Siap SSN
4 Standard Pendidik dan Kependidikan	0.00	2.30	44.82	52.88	(3.51) Siap SSN

5	Standard Sarana dan Prasarana	7.82	14.76	43.22	34.20	(3.04) Standar III
6	Standard Pengurusan	0.96	7.76	56.44	35.64	(3.25) Standar III
7	Standard Pembiayaan	2.30	8.05	66.67	22.98	(3.10) Standar III
8	Standard Penilaian	1.15	3.83	52.11	42.91	(3.37) Standar III
<b>Min keseluruhan kesiapan Standard</b>						<b>(3.36) standar III</b>

### 3. Uji signifikansi hubungan antar pembolehubah bebas

Hasil uji signifikansi hubungan antar pembolehubah sebagai berikut:

**Jadual 5. Hasil pengujian signifikansi antar pembolehubah bebas**

No	Pembolehubah	r <sub>hitung</sub>	P-value	Status
1	Kompetensi kepribadian versus kompetensi manajerial	0,858	0,000	Signifikan
2	Kompetensi kepribadian versus kompetensi kewirausahaan	0,841	0,000	Signifikan
3	Kompetensi manajerial versus kompetensi kewirausahaan	0,857	0,000	Signifikan

kerana nilai  $r_{\text{hitung}} > r_{\text{jadual}} = 0,278$  untuk  $\alpha = 0,01$  dan nilai nilai Sig sebesar 0,000 lebih kecil dari taraf kepercayaan  $\alpha = 0,01$  maka terdapat hubungan yang signifikan antar pembolehubah tersebut. Berdasarkan hasil analisis varian multivariat (*Manova*), diperolehi hasil berikut:

**Jadual 6. Hasil analisis manova dengan SPSS 16 for Windows**

Factor	Dependent Variable	F	P-value (Sig)
Kompetensi kepribadian, manajerial dan keusahaan	Stándar Isi	2,74 0	0,068
Kompetensi kepribadian, manajerial dan keusahaan	Stándar Kompetensi Lulusan	2,26 1	0,087
Kompetensi kepribadian, manajerial dan keusahaan	Stándar Proses	1,80 1	0,153
Kompetensi kepribadian, manajerial dan keusahaan	Stándar Pendidik dan Kependidikan	1,57 9	0,201
Kompetensi kepribadian, manajerial dan keusahaan	Stándar Sarana dan Prasarana (facilities)	4,65 4	0,005
Kompetensi kepribadian, manajerial dan keusahaan	Stándar Pengurusan	10,0 57	0,000
Kompetensi kepribadian, manajerial dan keusahaan	Stándar Pembiayaan	5,25 5	0,002
Kompetensi kepribadian, manajerial dan keusahaan	Stándar Penilaian	7,64 1	0,000

Untuk menguji hipotesis kajian sebagai jawapan rumusan masalah yang ketiga, maka perlu dilakukan uji sub hipotesis yang merupakan bahagian daripada hipotesis kajian. Hipotesis statistik yang digunakan adalah  $H_0: \beta_i = 0$  versus  $H_a: \beta_i \neq 0$ . Menurut Santoso (2001:64), maka diperhatikan nilai probabilitasnya (P-value), di mana jika P-value < 0,01 dan nilai Fisher hitung > Fisher jadual maka  $H_a$  diterima dan  $H_0$  ditolak. Hipotesis kerja dalam kajian ini merupakan hipotesis alternatif ( $H_a$ ). Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa: (1) tidak terdapat kesan yang signifikan kompetensi kepribadian, kompetensi manajerial dan kompetensi kewirausahaan pengetua sekolah secara simultan kepada pencapaian Standard Isi, Standard Kompetensi Lulusan, Standard Proses, dan Standard Pendidik dan Kependidikan. Kerana markah F-hitung < F-jadual = 4,01 dan nilai P-value >0,01. Sehingga hipotesis yang diajukan di atas ( $H_a$ ) di tolak. Tetapi secara parsial kompetensi pengetua sekolah memberikan kesan terhadap masing-masing pencapaian SNP ini. (2) terdapat kesan yang signifikan baik secara simultan maupun

parsial antara kompetensi pengetua sekolah kepada pencapaian Standard Sarana dan Prasarana ( $Y_5$ ), Standard Pengurusan ( $Y_6$ ), Standard Pembiayaan ( $Y_7$ ), dan Standard Penilaian ( $Y_8$ ), Kerana markah  $F$ -hitung> $F$ -jadual = 4,01 dan nilai  $P$ -value < 0,01. Trend persamaan regresi linear berganda yang diperoleh tiap-tiap standard iatu:  $Y_5 = 35,224 - 0,422 X_1 + 0,497 X_2 + 1,731 X_3$ ;  $Y_6 = 21,306 - 0,680 X_1 + 0,393 X_2 + 1,187 X_3$ ;  $Y_7 = 3,599 - 0,123 X_1 + 0,036 X_2 + 0,273 X_3$ ; dan  $Y_8 = 6,458 - 0,261 X_1 + 0,078 X_2 + 0,461 X_3$

Besarnya sumbangan kompetensi kepimpinan pengetua sekolah terhadap pencapaian standard sarana dan prasarana pendidikan adalah 11 peratus, standard pengurusan sebesar 24 peratus, standard pembiayaan sebesar 13 peratus dan standard penilaian sebesar 19 peratus.

## **Kesimpulan dan Cadangan**

Berdasarkan hasil analisis kajian yang telah dihuraikan, maka kesimpulan yang dapat diambil adalah: deskripsi kompetensi kepimpinan pengetua sekolah pada SMA Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia umumnya berada pada kategori baik. Kompetensi yang memberikan sumbangan terbesar kepada pencapaian SNP iatu kompetensi Kewirausahaan seterusnya kompetensi kepribadian dan kompetensi manajerial. Deskripsi pencapaian SNP pada SMA Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia secara umum belum terpenuhi, walaupun 3 dari 8 standard yang siap untuk SSN akan tetapi peratus secara umum masih di bawah 90 peratus. Begitupun terdapat kesan kompetensi kepimpinan pengetua sekolah kepada pencapaian SNP signifikan secara simultan khasnya kepada pencapaian Standard Sarana, Standard Pengurusan, Standard Pembiayaan dan Standard Penilaian. Sesuai kesimpulan kajian ini, maka beberapa hal yang dicadangkan kepada pihak yang berkompeten dalam rangka meningkatkan kompetensi pengetua sekolah untuk menunjang pencapaian SNP khasnya kepada SMA Negeri di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi, Indonesia iatu: Kepada pengetua SMA Negeri rintisan SSN di Kabupaten Maros Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia hendaknya menjadikan hasil kajian ini sebagai bahan perbaikan kompetensi, khasnya kompetensi kewirausahaan dan manajerial. Kepada komite sekolah hendaknya membantu sekolah dalam memenuhi standard pembiayaan dan standard sarana dan prasarana, melalui kolaborasi dengan masyarakat dan pemerintah, dan kepada pemerintah daerah hendaknya memberikan perhatian kepada sekolah dalam upaya pencapaian SNP, khasnya pencapaian standard pembiayaan dan standard sarana prasarana.

## Rujukan

- Alland D. (1996). *Packet Guide to School Based Management*. Virginia: Association for supervision and curriculum development
- Andersen, Joon Aarum. (2005). *Leadership, Personality and Effectiveness*. The journal of Socio-Economics 35. p. 1078 – 1091
- Aponte, C. L. (1995). *Cultural diversity course model: Cultural competence for content and process*. *Arete*, 20(1), 46–55.
- Baartman, Liesbeth KJ; Bastiaens, Theo J; Kirschner, Paul A; and Van Der Vleuten, Cess PM. (2007). *Evaluating assessment quality in competence-based education: A qualitative comparison of two frameworks*. Educational Research Review 2 (2007) 114-129
- Berry, Geoff. (1997). *Leadership and the Development of Quality Culture in Schools*; International Journal of Educational Management 11/2 p. 52 – 64
- Blake, R.R., Mouton, J.S., 1985. *The Managerial Grid*, vol III. Gulf Publishing Co., Houston
- Council on Social Work Education. (2008). *Educational policy and accreditation standards*. Retrieved from <http://www.cswe.org/File.aspx?id=13780>
- Departemen Pendidikan Nasional. (2001). *Rerata Hasil Ujian Nasional*. Jakarta: Balitbang
- Departemen Pendidikan Nasional. (2002). *Penyelenggaraan School Reformasi dalam Konteks MPMBS di SMP*. Jakarta: Dirjen Dikdasmen.
- Departemen Pendidikan Nasional. (2008). *Modul Petunjuk Pelaksanaan Sekolah Kategori Mandiri/Sekolah Standard Nasional*. Jakarta: Dirjen Pembinaan SMA.
- Departemen Pendidikan Nasional. (2009). *Petunjuk Pelaksanaan Sekolah Standard Nasional*. Jakarta: Direktorat Pembinaan SMA

Duhou, Ibtisam Abu. 2003. *School Based Management*. Jakarta: Proyek Perluasan dan Peningkatan Mutu SMU Jakarta

Fullan, Michael et.al. (2007). *Leadership in Education* (2<sup>nd</sup> ed). San Francisco: Jossey-Bass

Hersey, Paul. (1984). *The Situational Leader*. San Francisco, California: The Center for Leadership Studies

Hoy,Wayne J and Miskel, Cecil G. (2008). *Educational Administration; theory, research and practice*. (8<sup>th</sup> edition). New York: McGraw-Hill

Indriyanto, Bambang. (1992). *School Based Management: issue and hope toward decentralization in Indonesia*. Journal pendidikan.

Kartono. (2001). *Pemimpin dan Kepimpinan (apakah pemimpin abnormal itu?)*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada

Kohli, Hermeet K., Huber, Ruth and Faul, Anna C. (2010). *Historical and Theoretical Development of Culturally Competent Social Work Practice*. Journal of Teaching in Social Work, 30: 3, 252 — 271

Leithwood, K., Louis, K.S., Anderson, S., & Wahlstrom, K. (2004). *How leadership influences student learning (Executive Summary)*. New York: The Wallace Foundation; University of Toronto, Ontario Institute for Studies in Education; and University of Minnesota, center for applied Research and Educational Improvement.

Lum, D. (2000). *Social work practice and people of color: A process stage approach*. Belmont, CA: Wadsworth.

Malen, BRT. Et all. (1990). *Choice and control in American Education*. London: The Palmer Press

*Peraturan Pemerintah (PP) Nombor 19 Tahun 2005 tentang Standard Nasional Pendidikan*. Jakarta: Depdiknas

*Peraturan Menteri Nombor 13 Tahun 2007 tentang Standard Kompetensi Pengetua Sekolah.*  
Jakarta: Kementerian Pendidikan Indonesia

Rahman. (2005). *Kepemimpinan Transformasional Berbasis Mutu Pendidikan*. Artikel pendidikan

Rakhmat. (2019). *Makalah ini sebagai bahan kajian pada workshop tentang standard penilaian sebagai bagian dari penerapan standard nasional pendidikan* pada Region Education Development Tim Pengembang Kecamatan Kota Bogor Utara pada tanggal 19 Desember 2009 di Kota Bogor.

Rakhmat. (2010). *Konsep Dasar Standard Nasional Pendidikan*. Makalah kajian workshop Dirjen Mandikdasmen Kementerian Pendidikan Nasional RI.

Sammons, P. Hillman, J., & Mortimore, P. (1995). *Key characteristics of effective schools: A review of school effectiveness research*. London: Institute of Education/OFSTED

Santoso, Singgih. (2001). *Aplikasi Excel dalam statistika Bisnis*. Jakarta: PT. Elex Media Komputindo

Sergiovanni, Thomas J et al. 2009. *Educational Governance and Administration* (6<sup>th</sup> ed.). Boston: Pearson education

*Undang-Undang Republik Indonesia No. 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional.*  
Bandung: Citra Umbara.

Wahyusumidjo, (2003). *Kepimpinan Pengetua sekolah; tinjauan teoritik dan permasalahannya*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada

Wirawan. (2002). *Kapita Selekta Teori Kepimpinan*. Jakarta: Yayasan Bangun Indonesia.